

09 MAR 1998

Sulaiman-tanah

KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI SEDANG KENAL PASTI TANAH UNTUK PERTANIAN

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Keputusan kerajaan-kerajaan negeri untuk mewartakan tanah-tanah yang dikenal pasti untuk pertanian ketika negara mengalami kegawatan ekonomi sekarang adalah baik kerana ia akan menghalang sebarang percubaan untuk membatalkannya apabila keadaan ekonomi pulih.

Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud berkata kerajaan-kerajaan negeri sedang dalam proses mengenal pasti lebih banyak kawasan-kawasan tanah untuk pertanian secara besar-besaran sebelum mewartakannya dalam usaha untuk mengurangkan pergantungan kepada bahan-bahan makanan import.

"Tindakan mengenal pasti, mewarta kawasan-kawasan tanah tertentu untuk pertanian juga akan menarik pelabur yang berpontensi untuk melabur dalam projek-projek perparitan, pengaiaran, tenaga elektrik dan lain-lain," katanya selepas melancarkan indenti korporat baru syarikat Boh Plantation Sdn Bhd di sini hari ini.

Katanya sesetengah negeri telahpun mengenal pasti kawasan-kawasan tanah sedemikian, dan Johor, umpamanya, telah mengenal pasti kawasan seluas 36,000 hektar untuk tanaman makanan secara besar-besaran.

Sulaiman berkata dengan kedatangan pelabur, industri pertanian juga akan diberi nafas baru menjadikannya sektor yang lebih menarik dan menguntungkan tetapi produk-produk perlu diberi tambah nilai.

Beliau berkata kementeriaannya akan membantu dengan mewujudkan pusat-pusat mengutip yang boleh digunakan oleh para petani untuk menjual produk mereka.

Katanya beliau diberitahu Johor akan menanam jagung berkualiti tinggi yang akan secara tidak langsung menurunkan harga ayam kerana jagung digunakan sebagai bahan makanan ternakan.

Pihak berkuasa Johor juga telah mengenal pasti jenis biji jagung yang dapat mengeluarkan lapan tan jagung bagi se hektar berbanding dengan tiga hingga empat tan dari jenis yang terdapat sekarang.

Pahang pula, katanya, selain dari juga telah mengenal pasti kawasan-kawasan tanah sedemikian turut menyenaraikannya dalam satu buku panduan (directory) bagi mengumpulkan maklumat mengenainya bagi memudahkan projek pertanian besar-besaran.

Projek-projek pertanian secara besar-besaran adalah selaras dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu jumlah import makanan negara yang mencecah RM9 juta tahun lepas dikurangkan. --

BERNAMA

MHI WAT